

USUL IJTIHAD IMAM BUKHARI DALAM PENENTUAN HUKUM

Amran Abdul Halim ⁱ, Mohamad Qamarulzaman Bin Mohamad Zani ⁱⁱ, Walid Mohd Said ⁱⁱⁱ,
Abdulloh Salaeh ⁱⁱⁱ, Ahmad Kamel Mohamed ⁱⁱⁱ, Amiruddin Mohd Sobali ⁱⁱⁱ, Syed Najihuddin
Syed Hassan ⁱⁱⁱ, Nidzamuddin Zakaria ⁱⁱⁱ, Mohd Akmaluddin Mohd Hamdan ⁱⁱⁱ, Syed Ahmad
Termizi Syed Omar ⁱⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains
Islam Malaysia. Emel: amranabdulhalim@usim.edu.my

ⁱⁱ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Emel:
mohd.qamarulzaman@gmail.com

ⁱⁱⁱ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.

ABSTRAK

Imam Bukhari merupakan muhaddis yang terkenal dengan keilmuan yang tinggi dalam bidang hadis. Kitab *Sahih Bukhari* yang dikarangnya merupakan karya beliau yang paling mashyur dan yang paling sahih bahkan jika dibandingkan dengan kitab-kitab muhaddis yang lain. Kecenderungan keterkaitan beliau dalam bidang hadis terkadang menyebabkan kefaqihan beliau di dalam bidang fiqh kurang dikenali. Walhal beliau juga merupakan seorang yang mempunyai kepakaran yang tinggi di dalam perbahasan ilmu fiqh. Hal ini dibuktikan dengan wujudnya banyak ulama dari bidang hadis dan fiqh yang mengiktiraf beliau sebagai salah seorang fuqaha yang berkemampuan untuk berijtihad (mujtahid). Namun dalam perbahasan ijtihad, kebiasaannya fokus perbahasan akan mengarah kepada dua asas yang mencorakkan manhaj ijtihad seseorang mujtahid itu seperti dasar atau usul ijtihad yang digunakan serta kaedah yang digunakan dalam mengolah intipati hukum terhadap dasar tersebut. Justeru, kajian ini akan membahaskan tentang apakah usul-usul ijtihad utama yang dipakai oleh Imam Bukhari dalam manhaj ijtihadnya. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah dokumentasi bagi mengumpul data maklumat dan kemudian analisis kandungan dibuat secara diskriptif. Hasil kajian mendapati antara usul ijtihad yang digunakan oleh Imam Bukhari dalam manhaj ijtihadnya berdasarkan *Sahih Bukhari* adalah al-Quran, hadis, athar sahabah dan tabiin serta ra'yu. Kajian lanjutan boleh dilakukan lagi dengan melakukan perbandingan dengan usul ijtihad imam mujtahid yang lain untuk mendapatkan kefahaman yang lebih komprehensif serta kefahaman terhadap diversiti manhaj ijtihad.

Kata-kata kunci: *Usul Ijtihad, Imam Bukhari, Fiqh Hadis, Fiqh Bukhari.*

PENGENALAN

Imam al-Bukhari lahir dengan nama lengkap Abu Abdullah Muhammad bin Ismail Bin Ibrahim bin Al-Mughirah bin Bardizbah al-Ju'fi al-Bukhari pada tahun 194H di kota Bukhara (Chamim Tohari, 2021). Beliau dilahirkan pada hari Jumaat tanggal 13 Syawal, dalam sebuah keluarga yang soleh dan sangat mencintai ilmu (Ahmad Ali Al-Baghdadi, t.t; Hajjaj Yusuf Al-Mizzi, 1992). Beliau merupakan seorang yang cerdas dan mempunyai minat yang mendalam terhadap

ilmu. Beliau juga mempunyai kekuatan ingatan dan kecerdikan yang disifatkan sebagai luar kebiasaan yang normal bagi kanak-kanak seusianya (Haleema Bibi, 2021). Hal ini dapat dilihat dari sewaktu kecil lagi beliau lagi beliau sudahpun memulakan pembelajaran tentang ilmu hadis (Chamim Tohari, 2021). Manakala ketika usia beliau mencapai 16 tahun, beliau telah berhasil menghafal seluruh sanad dan matan hadis pada beberapa kitab karangan Ibnu al-Mubarak dan al-Waqi' (Dzulmani, 2008). Ibunya Imam Bukhari banyak memainkan peranan untuk memastikan beliau mendapatkan pendidikan dan ilmu yang secukupnya bagi meneruskan perjuangan ayahnya dalam bidang ilmu (Ahmad Najib, 2009).

Imam al-Bukhari sangat berhati-hati dan selektif dalam memilih dengan siapa beliau berguru, beliau hanya akan berguru dengan seseorang yang beliau dapati mempunyai tahap keimanan yang menggambarkan madah yang keluar dari bibirnya selari dengan amal perbuatannya sahaja (Farid R. Abdullah, 2009). Antara guru-guru Imam Bukhari dari seperti yang dinukilkan dalam kitab *Tabaqat al-Huffaz* adalah Imam Ahmad Bin Hanbal, Ibrahim al-Munzir al-Hizami, Ali-Al-Madini, Adam bin Abu Iyas al-Asqalani dan Qutaibah bin Said (Suyuti al-Khudhairi, 1983). Bukan itu sahaja, kegigihan Imam Bukhari juga boleh dilihat dari sudut perjalanan ilmunya yang merangkumi pelbagai daerah, negeri dan negara tumpuan ilmu pada waktu tersebut seperti Mekah, Madinah, Baghdad, Kufah, Basrah, Wasit, Damsyik, Hims, Qaisariyyah, Asqalan, Khurasan, Naysabur, Herat, Bukhara, Mesir dan lain-lain (Al-Kattani, 1984).

Imam Bukhari merupakan seorang ulama yang sangat produktif dengan karya yang meliputi berbagai bidang keilmuan lain. Antara karya beliau selain dari kitab *Sahih Bukhari* adalah *at-Tarikh As-Saghir*, *at-Tarikh al-Kabir*, *ad-Duafa'*, *al-Kuna*, *al-Adab al-Mufrad*, *Raf'ul Yadain fi al-Salah*, *Khair al-Kalam fi al-Qiraah Khalfa al-Imam*, *al-Asyribah*, *Asami as-Sahabah*, *Bir al-Walidain*, *al-Mabsuth* dan *al-Hibah* (Abdul Sattar, 2011). Kebanyakan dari kitab beliau ada yang dalam bentuk kitab yang lengkap, manuskrip dan ada juga hanya diketahui dari pendedahan ulama lain dalam tulisan mereka (Ibnu Hajar, t.t). Namun dari sekian kitab yang dikarang oleh beliau, kitab yang menjadi tumpuan utama yang menaikkan nama beliau khususnya dalam perbahasan ilmu hadis adalah *Sahih Bukhari*. Umumnya, *Sahih Bukhari* telah diiktiraf dan diakui oleh ramai para ulama yang terkemuka sebagai kitab yang paling sahih selepas al-Quran (Al-Khatib, 2003). Selain itu, *Sahih Bukhari* juga merupakan kitab pelopor utama kepada pengumpulan hadis yang menghususkan kepada hadis yang sahih sahaja, sekaligus menjadikan Imam Bukhari sebagai seorang tokoh muhaddis yang pertama yang berjaya melakukan sedemikian (Al-Asqalani, 2000).

Kebanyakan hadis beliau diriwayatkan dari tokoh-tokoh terkemuka muhaddis seperti ad-Dhahak bin Mukhallad, Abu Ashim Al-Nail, Makki bin Ibrahim al-Hadhali, Ubaidah bin Musa al-Abbasi, Abdullah Quddus bin Hajjaj, Muhammad bin Abdullah al-Anshari (Chamim Tohari, 2021). Manakala ulama terkemuka dalam bidang hadis yang berguru dengan beliau juga banyak antaranya adalah Imam Muslim, Imam Tirdmizi, Imam Nasaie, Ibrahim Ishak al-Hurri dan Mansur bin Muhammad al-Bazdawi. Disebutkan Imam Bukhari telah menulis dari 1,080 guru yang seluruhnya terdiri daripada para pakar hadis. Antaranya adalah Ali Ibn al-Madani, Imam Ahmad bin Hanbal, Yahya bin Main, Yusuf al-Firyabi dan Ibn Rahawaih (Dzulmani, 2008). Daripada apa yang dinukilkan diatas sudah cukup untuk memberikan kepada gambaran tentang ketinggian ilmu yang dimiliki oleh Imam Bukhari khususnya dalam bidang hadis. Imam Bukhari meninggal di kota berdekatan dengan kota Samarkand pada tanggal 30 Ramadhan

tanggal 256 hijrah sewaktu umur beliau mencecah 62 (Shah, et. Al, 2010; Nurul Humaidi, 2006).

DIVERSITI ILMU FIQH IMAM BUKHARI

Selain dari ketokohan ilmu beliau sebagai seorang muhaddis, Imam Bukhari juga mempunyai beberapa kepakaran ilmu dalam bidang yang lain seperti fiqh dan tafsir (Ahmad Najib, 2009; Fathoni Hasyim, 2019). Bahkan dalam bidang fiqh, Imam Bukhari menduduki hierarki tertinggi seperti mujtahid mutlaq, iaitu mujtahid yang yang mencukupi syarat keilmuan yang diperlukan untuk berijtihad dan juga mempunyai keupayaan untuk merangka metodologinya yang tersendiri. Antara kelebihan dan perbezaan mujtahid pada tahap ini yang membezakannya dengannya yang lain adalah mujtahid tidak bersandar dan menggunakan metodologi atau manhaj ijtihad yang dirangka oleh mazhab mahsyur yang lain dalam penyimpulan hukum beliau (Amin, 1974). Metodologi ijtihad yang dimaksudkan adalah sebuah kaedah yang dirangka oleh mujtahid untuk mengistinbat hukum secara terus dari sumber primer seperti Al-Quran dan Sunnah (Asma, 2016).

Para sarjana klasik dan moden, baik dari dunia Islam mahupun Barat, jarang membincangkan fiqh dan metodologi fiqh Imam Bukhari dalam karya mereka. Misalnya, Joseph Schacht dan Wael B. Hallaq tidak memperuntukkan sebarang kajian khusus mengenai hal ini dalam buku mereka. Malah, Christopher Melchert, seorang pengkaji tentang ahli-ahli fiqh dan tradisionalis abad ke-9, langsung tidak menyentuh tentang metodologi fiqh Imam Bukhari (Scott. D. Lucas, 2006). Namun biarpun begitu, pernyataan tentang kefaqihan Imam Bukhari banyak disebut dan dinukilkan oleh ulama' mutaqaaddimin serta karya-karya mereka yang terkemuka. Imam Ahmad bin Hanbal, pengasas kepada Mazhab Hanbali yang mashyur menyatakan Imam Bukhari merupakan seorang yang alim dan faqih kepada ummah (Al-Khazraji, 1978). Imam Abu Hatim Al-Razi pula menyatakan "Muhammad bin Ismail (Imam Al-Bukhari) adalah ulama yang yang mempunyai kepakaran tinggi dan alim diantara para ulama yang memasuki Iraq"(Al-Baghdadi, t.t). Beliau bahkan digelar sebagai Sayyidul Fuqaha' sewaktu zaman kehidupan beliau (Utman Az-Zahabi, 1992). Hal ini juga diperakui oleh ulama-ulama mutaakhirin juga seperti Ibn Taimiyyah, Syaikh Muhammad Anwar al-Kasymiri, Syaikh Muhammad Zakariyya al-Kandahlawi, Al-'Ajluni, Al-Sakhawi dan lain-lain (Farid R. Abdullah, 2009; Ibn Taimiyyah, t.t; Nizar Abdul Karim, 1991). Daripada sekian banyak pengiktirafan para ulama terhadap kefaqihan Imam Bukhari secara tidak langsung mengindikasikan ketinggian ilmu beliau yang bukan hanya tertakluk dalam bidang hadis, bahkan beliau juga merupakan ahli yang pakar dalam bidang fiqh (Noor, et. al, 2013).

Terdapat beberapa peringkat mujtahid di dalam hierarki perbahasan ilmu fiqh. Mujtahid mustaqil adalah mujtahid yang menempati tempat pertama dalam hierarki fiqh, mujtahid mustaqil adalah seorang faqih yang mempunyai keupayaan untuk mengeluarkan hukum syarak secara langsung dari nusus syar'iyah seperti al-Quran dan hadis serta membina metodologi istinbat dan ijtihad mereka yang tersendiri (Salleh Kassim, 1992; Zulkifli Mohamad, 2017). Manakala mujtahid muntasib pula adalah seorang faqih yang menempati kedudukan kedua tertinggi dalam hierarki berdasarkan keluasan ilmunya serta kecerdasannya dan berupaya untuk mengeluarkan hukum dari nas utama, akan tetapi tidak mampu untuk membina metodologinya tersendiri dan masih bersandar kepada usul fiqh Mujtahid yang lain (Salleh Kassim, 1992). Seterusnya, Mujtahid Mazhab atau Mujtahid Al-Wujuh, iaitu mereka yang tidak mencapai

tahap mujtahid mustaqil atau muntasib dimana mereka memfokuskan kepada perbincangan permasalahan-permasalahan fiqh yang tidak dibincangkan oleh Imamnya dan mereka masih lagi terikat dalam menggunakan kaedah usul dari mazhab untuk menyimpulkan sesuatu hukum (Nu'man Jaghim, 2007; Balfaqih, 2017). Peringkat mujtahid ini perlu difahami dengan jelas supaya tidak berlaku kekeliruan tentang kedudukan ulama tersebut dalam perbincangan fiqh.

Untuk menjadi seorang Mujtahid yang mustaqil, seseorang individu tersebut perlulah menguasai beberapa ilmu berkaitan seperti penguasaan bahasa arab, luas ilmunya dalam bidang al-Quran dan hadis, mengetahui ilmu usul al-fiqh, mengetahui isu-isu atau permasalahan yang telah diijmakan oleh para sahabat dan tabiin, mengetahui dengan jelas tentang maqasid syariah dan kesediaan fitrah untuk berjihad termasuklah pengukuhan pandangan ilmu dan kecerdasan akal dalam membentuk aliran fikrah fiqh (aqliyyah fihiyyah) yang jitu (Al-Nawawiy, Yahya bin Syarf, 1988). Berdasarkan beberapa kajian kontemporari berkenaan dengan fiqh Imam Bukhari menunjukkan Imam Bukhari adalah seorang faqih yang memenuhi syarat untuk bergelar seorang mujtahid yang mustaqil (Ishak Suliaman, 2015,; Fathoni Hasyim, 2020). Pernyataan tentang kedudukan beliau sebagai Mujtahid mustaqil atau mutlaq oleh kebanyakan ulama' dan pengkaji kontemporari menunjukkan beliau bukanlah seorang muqallid kepada kaedah atau pandangan fiqh mazhab yang telah sedia mashhur seperti Mazhab Syafie, Mazhab Hanbali, Mazhab Maliki dan Mazhab Hanafi (Ameen Safdar Okarvi, t.t).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan menerapkan analisis kandungan sebagai reka bentuk kajiannya. Instrumen pengumpulan data yang digunakan adalah analisis dokumen. Contoh jenis dokumen yang digunakan sebagai rujukan kajian termasuk tesis, buku, seminar, dan artikel kajian yang berkaitan, sama ada dalam bentuk fizikal ataupun digital. Data yang dikumpul seterusnya akan diteliti dan dievaluasi sehingga membentuk suatu kesimpulan yang menjadi dapatan dan hasil untuk kajian ini.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

ALIRAN FIQH AHLI HADIS

Kerangka metodologi beliau dalam bidang fiqh adalah selari dengan kepakaran beliau dalam bidang hadis (Fathoni Hasyim et. al, 2020). Justeru itu, fiqh Imam Bukhari adalah berdasarkan kefahaman fiqh ahli hadis sepertimana Imam Ahmad Bin Hanbal dan Imam Syafie (Ishak Suliaman, Murshidi Noor, 2015). Al-Mubarakfuri (1987) menjelaskan wujudnya beberapa perbezaan ketara diantara fuqaha yang mengutamakan hadis (ahli *al-Hadis*) seperti Imam Bukhari, dengan fuqaha yang mengetengahkan penggunaan akal (ahli *al-Ra'yi*) seperti Imam Abu Hanifah terutama dalam pengistinbatan hukum. Golongan ahli hadis meletakkan fokus atau asas sesuatu jawapan bagi permasalahan fiqh berdasarkan apa yang telah termaktub dalam maslahat dan rahsia-rahsia yang terdapat pada nas al-Quran dan hadis, atau dari kefahaman sahabat dari sudut *taqrir* Rasulullah SAW atau dari sudut asbab wurud hadis tersebut, secara ringkasnya mereka lebih mengutamakan penggunaan hadis nabawi berbanding takwilan akal (ra'yu) (Waqar A. Husaini, 1984). Secara terperinci,

ahli *al-Hadis* ialah satu kelompok aliran fikrah yang melakukan ijtihad dengan keterikatan dengan makna secara literal dan kurang mencari atau mentakwilkan illat hukum atau rahsia-rahsia tasyri' secara mendalam. Metodologi mereka dalam proses ijtihad pula kebiasaannya banyak berbentuk pemahaman tekstual (Ali Al-Sayis, Muhammad, 1975). Pendekatan ini dilihat kontradik dengan ahli *al-Ra'yi* dimana mereka banyak menjawab persoalan dan permasalahan fiqh dengan berdasarkan hasil buah fikiran atau sesuatu halangan, kesukaran, asbab lain yang boleh dicapai oleh akal untuk berijtihad. Pada pandangan ahli *al-Ra'yi*, hukum Islam merupakan *ma'qul al-nas*, yang mempunyai kebolehpayaan untuk ditakwilkan justeru itu bentuk pemahaman atau metodologi mereka ketika berinteraksi dengan dalil syarak lebih bersifat kontekstual (Hasbi Al-Shiddieqy, 1989).

Sebagaimana yang dijelaskan sebelumnya bahawa kepakaran Imam Bukhari banyak dipengaruhi oleh kedudukan beliau sebagai seorang muhaddis, maka metodologi fiqh yang digunakan beliau juga mempunyai unsur kesamaan pada kebanyakan tokoh fiqh muhaddis yang lain. Al-Mubarakfuri (1987) dalam *Sirah al-Imam al-Bukhari* menyimpulkan metodologi umum yang dipakai oleh kebanyakan ilmuan hadis dalam berijtihad adalah seperti berikut :

1. Apabila terdapat ayat al-Quran yang membicarakan sesuatu permasalahan ,maka mereka tidak akan berpindah kepada pandangan sesiapa pun.
2. Sekiranya sesuatu ayat al-Quran itu mengandungi pelbagai makna, maka Sunnah (hadis) yang akan menentukan maknanya.
3. Sekiranya tidak terdapat di dalam al-Quran jalan penyelesaian bagi permasalahan tersebut, maka mereka akan mencari solusinya dalam Sunnah.
4. Sekiranya sesuatu permasalahan fiqh mendapati solusinya terdapat dalam hadis, mereka tidak akan mengikut ijtihad melainkan sekadar apa yang disebutkan oleh Sunnah tersebut.
5. Sekiranya tidak terdapat hadis, maka mereka berpindah kepada pendapat dan ijtihad para Sahabah dan Tabiin.
6. Sekiranya para Sahabah atau Tabiin bersepakat dalam suatu permasalahan, maka ahli hadith akan mendahulukan pandangan yang disepakati tersebut.
7. Sekiranya berlaku perselisihan diantara para Sahabah dan Tabiin, maka akan diutamakan pendapat mereka yang diketahui lebih alim, dhabit, warak atau yang paling mashyur dikalangannya.
8. Sekiranya ahli hadis mendapati terdapat dua pendapat (qaul) yang sama kuat, dan tidak didapati wujudnya pendapat yang rajih pada permasalahan tersebut, maka mereka akan memerhatikan keumuman makna ayat al-Quran dan hadis, begitu juga makna isyarat atau makna iqtida' antara kedua-duanya. Mereka akan mencari jawapan berdasarkan persamaan yang terdapat dalam solusi yang telah disebut di dalam al-Quran dan Sunnah.

USUL FIQH DALAM SAHIH BUKHARI

Kitab *Sahih Bukhari* merupakan kitabnya yang paling terkenal dan mempunyai pengaruh yang cukup kuat terutama dalam perbahasan ilmu hadis. Nama penuh kitab koleksi hadis sahih tersebut adalah *al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulillah Salla Allah 'Alaihi Wa Sallam wa Sunanihi wa Ayyamihi* yang kemudiannya diringkaskan menjadi

Sahih Bukhari (Farid R. Abdullah, 2009; Al-Asqalani, 2001). Kitab Ini banyak dikenali sebagai kitab hadis berbanding kitab fiqh namun terdapat beberapa indikasi yang menunjukkan bahawa Imam Bukhari menulis *Sahihnya* dengan penerapan beberapa unsur fiqh. Di dalam kitab *Sahih Bukhari* kebanyakan bab-bab yang terdapat di dalamnya disusun dan dibahagikan menikut acuan fiqh sepertimana yang dinukilkan oleh R. Marston Speight (1993) *'It was intended to be a tool for study of jurisprudence, with many of the texts arranged according to the categories of islamic law, the heading of the different sections reveals the compiler's competence in jurisprudence. Although all four schools of sunni law consider him to be one of their basic sources, he never identified with any particular school'*. Marston Speight juga menjelaskan bahawa penulisan tersebut menunjukkan kemandirian Imam Bukhari dalam pegangan fiqhnya yang tersendiri tanpa menyandarkannya kepada mazhab fiqh yang khusus. Justeru itu, Kitab Sahih Bukhari merupakan ialah sumber karyanya yang paling dititikberatkan oleh para ulama bagi mendapatkan pendapat fiqh dan usul fiqh beliau berbanding dengan karya yang lain seperti *ad-Dhuafa'* dan *Tarikh Al-Kabir* (Qadir Abu Faris, 1989).

Di samping itu, *Sahih Bukhari* merupakan rujukan utama hadis untuk sandaran sesuatu hukum permasalahan fiqh terutamanya di kalangan para fuqaha kontemporari (Ashrof Zaki, et. al, 2022). Hal ini kerana keistimewanya sebagai suatu kitab yang banyak memuatkan hadis-hadis yang sahih sebagaimana yang dinukilkan oleh Ibnu Hajar (1994) berkenaan kitab *Sahih Bukhari* yang menyatakan Imam Bukhari berkata *'aku tidak memasukkan ke dalam kitab Sahih Bukhari selain hadis yang benar-benar sahih'*. Hal ini dapat difahami kerana hadis merupakan salah satu instrumen penting dalam penentuan sesuatu hukum fiqh setelah al-Quran (Wan Zulkifli, 2016). Bahkan ulum hadis juga mempunyai keterikatan dengan usul fiqh sehingga keduanya dianggap tidak wajar dipisahkan khususnya dalam pembentukan pandangan fiqh atau ijtihad (Khafidz Soroni, 2019).

Biarpun kitab *Sahih Bukhari* dijadikan rujukan oleh banyak para alim fuqaha untuk mendapatkan pandangan fiqhnya, Sahih Bukhari bukanlah kitab yang secara zahirnya direka khas untuk perbincangan usul fiqh. Bahkan kebanyakan masyarakat mahupun para pengkaji kontemporari tidak menyedari aspek fiqh yang diselitkan Imam Bukhari dalam *Sahihnya* kerana halusnyanya kaedah dan pendekatan fiqh dalam penulisannya (Ishak Suliaman, Murshidi Noor, 2015). Antara keunikan cara penulisan Imam Bukhari adalah beliau berjaya menyelitkan aspek fiqhnya di dalam kitab yang dikhususkan untuk pengumpulan hadis, pengkajian tentang aspek fiqh Imam Bukhari ini disebut sebagai *Fiqh Al-Bukhari* oleh Al-'Asqalani (2000) dalam kitabnya *Huda al-Sari Muqaddimah Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Oleh kerana wujudnya keterbatasan dalam memahami cara penulisan Imam Bukhari dalam menjelaskan pandangan fiqhnya, diperuntukkan beberapa kaedah yang sesuai untuk digunakan dalam usaha mencungkil dan menggali khazanah usul fiqh beliau (Qadir Abu Faris, 1989; Noor, et. al, 2013). Contohnya, pengetahuan berkenaan dengan fiqh Imam Bukhari boleh diketahui melalui *tarjamah bab* yang terdapat dalam Sahih Bukhari. Hal ini maklum kerana fiqh ahli hadis itu kebiasaannya dapat dilihat dan diketahui menerusi penyusunan *tarjamah bab* yang dilakukan mengikut bab-bab yang tertentu (Qarut, 1991).

Menurut Syeikh Nur al-Din Al-'Itr (t.t), terdapat tiga kaedah yang digunakan untuk mengeluarkan aspek fiqh, usul fiqh atau metodologi ijtihad Imam Bukhari dalam Sahih Bukhari. Kaedah-keadah tersebut adalah seperti berikut :

1. *Tarjamah Zahirah*

Satu kaedah memahami aspek fiqh Imam Bukhari dalam bentuk terjemahan yang mudah difahami kerana tajuk bab hadis adalah bertepatan dan selari dengan hadis yang dibawahnya sekaligus bertindak sebagai penunjuk kepada aspek fiqh Imam Bukhari. Pada kaedah ini pemahaman boleh dilakukan secara zahir pembacaan tanpa melibatkan proses istiqlal yang mendalam.

2. *Tarajim Istinbatiiyyah*

Tarajim Istinbatiiyyah merujuk kepada kaedah memahami aspek fiqh Imam Bukhari dengan menyesuaikan tarjamah bab dan hadis yang dibawa oleh Imam Bukhari dalam bab tersebut. Berbeza dengan kaedah tarjamah zahirah, kaedah ini memerlukan pemikiran dan istiqlal yang mendalam terhadap hubungkait diantara tarjamah bab dan hadis tersebut. Pada kaedah ini, hanya mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang fiqh dan hadis yang mampu untuk merungkai aspek fiqh Imam Bukhari.

3. *Tarajim Mursalah*

Tarajim Mursalah pula merupakan kaedah yang menterjemahkan aspek fiqh Imam Bukhari dengan hanya meletakkan bab tanpa menyebutkan sebarang ayat yang khusus didalamnya untuk disesuaikan dengan hadis yang dikumpulkan oleh Imam Bukhari dalam sesuatu bab.

Hanya melalui beberapa kaedah yang disebutkan tadi, aspek fiqh Imam Bukhari akan jelas terlihat dan diketahui. Justeru, pengabaian kepada kaedah yang disebut mungkin akan menyebabkan berlakunya kesalahfahaman yang akhirnya menyebabkan berlaku kekeliruan terhadap pandangan fiqh Imam Bukhari. Jika diperhatikan secara asas mungkin apa yang terzahir kepada pembaca Sahih Bukhari hanya terbatas kepada fiqhnya sahaja tidak pada usul fiqhnya. Namun, agak mustahil jika sesuatu pandangan fiqh itu dapat berdiri dengan sendirinya tanpa kewujudan usul fiqh (Abdul Karim Zaydan, 2011). Oleh itu, dapat disimpulkan fiqh Imam Bukhari juga mempunyai kaedah usul fiqhnya yang tersendiri.

USUL IJTIHAD IMAM BUKHARI

Sebagai seorang Mujtahid, Imam Bukhari mempunyai beberapa pendekatan yang digunakan beliau dalam merangka sesuatu hukum fiqh. Proses merangka sesuatu hukum fiqh dari sumber dalil ini dikalangan fuqaha' dipanggil sebagai ijtihad (Irwan Subri, Azman, 2024). Mustafa Qutub Sano (1996) merumuskan definisi ijtihad sebagai satu usaha yang dilakukan oleh seseorang ulama dengan menggunakan metodologi tertentu, dalam zaman yang tertentu untuk memahami makna yang terkandung dalam nas wahyu al-Quran dan al-Sunnah, sama ada dilalhnya bersifat qat'iiyyah ataupun zhanniyyah dan seterusnya mempraktikkan maknanya yang difahami dalam realiti kehidupan manusia yang tertentu. Justeru daripada perbincangan tersebut dapat difahami proses ijtihad ini dibina diatas dua perkara asas iaitu

perbahasan keutamaan dalil-dalil syarak yang diiktiraf seseorang mujtahid dan kaedah praktikal yang diterapkan oleh mujtahid terhadap dalil syarak tersebut (Arief Salleh Rosman, 2016).

Kalimah '*usul*' pada sudut etimologinya membawa maksud sesuatu yang menjadi 'dasar kepada sesuatu yang lain' manakala kalimah '*ijtihad*' pula membawa maksud sesuatu perbuatan yang sulit dan sangat sukar untuk dilakukan kerana memerlukan penggerakan tenaga yang banyak seperti mengangkat batu besar yang berat. Sejajar dengan gambaran kesusahan tersebut ijtihad digunakan untuk menggambarkan kesusahan dan kepayahan yang dialami oleh para mujtahid dalam berijtihad (Amir Syarifuddin, 2011; Taqi al-Hakim, 1979). Jika digabungkan kedua maksud dari kalimah tersebut dapat difahami usul ijtihad yang dimaksudkan oleh pengkaji adalah suatu dasar yang menjadi dalil dan hujah kepada hukum yang terhasil dari proses ijtihad. Pemahaman usul ijtihad ini juga lebih dekat dengan istilah dalil -dalil sumber hukum seperti yang digunakan oleh para fuqaha' (Irwan Subri, Azman Ab Rahman, 2024). Pengkajian kepada dasar atau sumber hukum sesuatu hukum fiqh perlu diberikan perhatian kerana ianya memainkan peranan penting memastikan undang-undang Islam dibina diatas bukti yang sahih berpandukan al-Quran dan hadis (Hashim Kamali, 2008). Selain itu, perbahasan dasar sesuatu hukum juga memainkan peranan yang penting memastikan kesesuaian dan kerelevanan syari'ah terutama dalam menangani permasalahan kontemporari sambil mengekalkan hubungannya dengan al-Quran dan hadis (Hunt Janin, Andre Kahlmeyer, 2007).

Kedudukan dasar dan keutamaan sesuatu dalil hukum mempunyai sedikit perbezaan diantara para mujtahid. Hal ini kerana diantara para mujtahid tersebut mereka mempunyai beberapa kelainan pendapat dan pemahaman dari sudut keutamaan dalil sandaran hukum yang diiktiraf, kefahaman dan penguasaan ilmu bahasa arab, perbezaan kawasan dan faktor sosial serta daya intelektual dan personaliti yang berbeza (Suraji, 2023). Fenomena perbezaan pendapat ini adalah perkara yang lumrah kerana setiap manusia itu sendiri mempunyai pendapat dan gaya berfikir yang tersendiri berdasarkan latar belakang keilmuan masing-masing (Tazul Islam, Muhammad Amanullah, 2013). Begitu juga halnya dengan Imam Bukhari, perbahasan tentang keutamaan dan susunan dasar usul ijtihad yang diterapkan dalam proses ijtihadnya tidak mungkin sama dengan manhaj ijtihad mujtahid yang lain seperti Imam Malik, Syafie, Ahmad Hanbal dan Abu Hanifah kerana beliau tidak menyandarkan kaedahnya ijtihadnya kepada manhaj ijtihad mazhab yang lain. Para ulama membina metodologi mereka yang tersendiri dalam usaha untuk memahami dan mempraktikkan nas, sebagaimana yang dibicarakan dalam ilmu usul al-fiqh. Kaedah usuliyah yang mereka terapkan kemudiannya menjadi faktor utama yang menyebabkan berlakunya ikhtilaf fiqhi (Al-Humaydan, 1992).

Menurut Fathoni Hasyim (2019), usul atau dasar utama yang digunakan oleh Imam Bukhari dalam pembentukan ijtihadnya ada empat, iaitu al-Quran, hadis, athar sahabat dan tabiin dan penggunaan ra'yu. Setiap pengiktirafan dan pemilihan kaedah ijtihad kebiasaanya mempunyai justifikasinya yang tersendiri. Imam Syafie misalnya tidak menerima metod istihsan ketika berijtihad kerana menurutnya qiyas hanya boleh dilakukan dalam bentuk yang jelas persamaanya (illat) sahaja (M. Jafar, 2018). Begitu juga penerimaan amal ahli

Madinah oleh Imam Malik dalam ijtihad beliau kerana menurutnya kota madinah merupakan kota yang mana penduduknya terdiri daripada para sahabat yang banyak mengetahui dan menyaksikan sendiri penurunan wahyu serta mereka adalah orang yang paling mentaati segala perintah Rasulullah SAW (Agus M. Najib, 2012). Pemilihan dasar hukum yang dipilih oleh Imam Bukhari kebanyakannya selari dengan pegangan atau manhaj ahli hadis ketika berijtihad seperti yang dinyatakan oleh Al-Mubarakfuri. Berikut adalah huraian bagi setiap dasar hukum yang dipilih oleh Imam Bukhari dalam metodologi ijtihadnya (Ishak Suliaman, Murshidi Noor, 2015) :

1. Al-Quran

Imam Bukhari berpandangan bahawa al-Quran adalah hujah yang wajib dan perlu diamalkan ('Abd al-Qahir, 1995). Hal ini juga boleh dilihat di dalam penulisannya dalam Sahih Bukhari dimana beliau banyak mengemukakan ayat al-Quran sebagai nama bab ataupun sebagai tarjamah bab seperti yang dinukilkan beliau dalam kitab *al-Buyu'*.

2. Hadis

Sesuai dengan kedudukan beliau sebagai muhaddis yang ulung, kitabnya pula terdiri daripada hadis-hadis yang sahih, maka penggunaan hadis sebagai sandaran hukum oleh Imam Bukhari tidak dapat disangkal lagi. Bahkan terdapat beberapa hadis yang tidak mencukupi syarat sahih Imam Bukhari diselitkan juga sebagai tarjamah bab sekaligus menjadi penguat bagi pandangan fiqh tersebut (al-Jaid, 1993). Manakala jika terdapat banyak hadis sahih yang membincangkan sesuatu permasalahan, Imam Bukhari akan mengutamakan hadis yang menurutnya paling sahih ('Abd Al-Qahir, 1995).

3. Athar Sahabah & Tabiin

Jika dilihat dalam penulisan beliau dalam *Sahih Bukhari* kita akan banyak mendapati beliau memuatkan athar dari sahabat dan juga tabiin walhal ianya bukanlah hadis. Penulisan athar sahabat dan tabiin ini juga dimasukkan ke dalam tarjamah bab sekaligus mengindikasikan penggunaan pendapat fiqh atau mazhab para Sahabah sebagai hujah sandaran Imam Bukhari dalam ijtihad beliau. Menurut 'Abd Al-Qahir (1995), Imam Bukhari berhujah dengan mazhab para Sahabah dan fatwa mereka sekiranya tidak terdapat khabar yang berbentuk *tawqifi*.

4. Ra'yu

Ra'yu yang dimaksudkan adalah kaedah yang menggunakan takwilan akal manusia dalam memahami dan menyimpulkan hukum. Termasuk di dalam perbahasan ra'yu juga adalah kaedah qiyas. Jika dilihat dari sudut penggunaan Ra'yi dalam perbahasan fiqh beliau berdasarkan kitab *Sahih Bukhari*, kita akan dapati Imam Bukhari seolah-olah tidak mengiktiraf penggunaan ra'yu dan qiyas sebagai sumber dan metodologi ijtihad beliau. Hal ini kerana wujudnya beberapa bab khusus di dalam *Sahih Bukhari* yang mengecam tindakan mereka yang berijtihad menggunakan kaedah ra'yu dan qiyas. Namun, hal ini sebenarnya telah di jelaskan oleh Ibn Hajar Al-Asqalani yang menjelaskan ra'yu dan qiyas yang dimaksudkan oleh Imam Bukhari adalah dalam bentuk penggunaan yang buruk, berkepentingan serta qiyas yang menurut hawa

nafsu (Syamsul Huda, et. al, 2020). Manakala menurut Ignaz Goldziher pula, kecaman Imam Bukhari tersebut bukan bermaksud penolakan secara menyeluruh terhadap penggunaan ra'yu dan qiyas, namun ianya hanya untuk membentuk beberapa batas dalam penggunaan ra'yu dan qiyas agar tidak digunakan secara meluas dan menurut hawa nafsu (Fathoni Hasyim, et. al, 2020).

KESIMPULAN

Perbahasan tentang usul ijihad sesorang mujtahid adalah penting kerana ianya merupakan faktor utama dalam mencorakkan manhaj ijtihadnya. Di zaman kontemporari, banyak permasalahan umat yang memerlukan kepada diversiti metodologi ijtihad bukan sahaja hanya tertakluk pada perbahasan fiqh semata. Justeru, antara cadangan kajian yang boleh menambahkan lagi kefahaman terhadap kelainan pendekatan usul fiqh Imam Bukhari, disarankan untuk melakukan kajian berbentuk fiqh muqaran dalam usaha memahami kelainan usul ijtihad yang dipilih diantara mujtahid seterusnya mencari solusi kepada permasalahan fiqh yang semakin runcing dan kompleks. Pendekatan fiqh muqaran akan memberikan gambaran yang jelas tentang kelainan pendekatan yang dilakukan oleh Imam Bukhari dalam justifikasi pemilihan usul ijtihadnya. Seperti contoh Imam Bukhari tidak mengiktiraf penggunaan ra'yu secara meluas dan ini dilihat kontradik dengan kaedah yang dibawa Imam Abu Hanifah dalam mazhabnya. Begitu juga pemilihan athar sahabah dan tabiin yang dilihat berbeza dengan Imam Syafie dimana Imam Syafie hanya membataskan kepada aqwal sahabah tanpa melibatkan tabiin secara khusus. Diversiti usul ijtihad dan metodologinya akan memberikan kemudahan kepada para mujtahid untuk menjawab permasalahan fiqh dikalangan masyarakat Islam. Hal ini sejajar dengan tugas seorang mujtahid itu sendiri yang mengeluarkan hukum dengan daya menyelesaikan kemelut ummah serta menjelaskan hukum yang termaktub di dalam al-Quran kepada praktikaliti masyarakat Islam.

RUJUKAN

- Abd Al-Salam Al-Mubarakfuri (1987), *'Sirah Al-Imam Al-Bukhari'*, Dar As-Salafiyyah: Bombay.
- Abd al-Qahir Muhammad Ahmad Mukhtar Qamar (1995), *'Fiqh al-Imam al-Bukhari fi al-Imarah wa al-Qada' min Jami'ih al-Sahih'*, Tesis Sarjana (M.A), Jami'ah Umm al-Qurra'.
- Abdul Sattar (2011), *'Konstruksi Fiqh Bukhari dalam Kitab Al-Jami' Al-Sahih'*, De Jure, Jurnal Syariah dan Hukum, Vol. 3, No. 1, Jun (36-46), 37.
- Agus Mohd. Najib (2012), *'Amal Ahlu Madinah Sebagai Sumber Hukum Islam: Pandangan Imam Malik Ibn Anas dalam Kitab Al-Muwatta'*, Al-Mazahib, Vol. 1, No. 2, 188-202.
- Al-Humaydan, Humaydan Ibn Abd Allah (1992), *'Al-ikhtilaf al-fiqhi bayn ulama al-tabiin: ashabuhu wa 'alaqatuhi bi al-manahij al-ijthadiyyah'*, al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Saudiyyah: Jami'ah Malik Sa'ud.
- Al-Ja'id, Satar bin Thawab (1993), *'Fiqh al-Imam al-Bukhari fi al-Buyu' wa al-Salam min Jami'ih al-Sahih'*, Tesis Doktor Falsafah, Jami'ah Umm al-Qura', Juz. 2.

Amir Syarifuddin (2011), *'Ushul Fiqh'*, Kencana: Jakarta, Jilid. 1, 41.

Amin (1974), *'Dhuhah al-Islam'*, Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah: Cairo.

Arief Salleh Rosman (2016), *'Pemahaman Terhadap Metodologi Ikhtilaf Fiqhi Ke Arah Menyelesaikan Isu Fanatisme'*, Jurnal Pengurusan & Penyelidikan Fatwa, Vol. 7, 141-166.

Ali-Al-Sayis, Muhammad (1975), *'Nasyah al-Fiqh Al-Ijtihadi wa Al-Waruhu'*, Silsilah Al-Buhus al-Islamiyyah: Mesir, 86.

Al-Nawawi, Yahya bin Syarf (1988), *'Adab al-Fatawa wa al-Muftiyy wa al-Mustaftiyy'*, Dar al-Fikr: Damsyik.

Al-Khatib (2003), *'Usul al-Hadith Ulumuhu wa Mustalahuhu'*, Dar al-Fikr: Beirut.

Asma (2016), *'Tobb Onto: Knowledge Representation of Prophet Medicine (Tibb al-Nabawi)'*, Proceeding Seminar Elsevier, Riyad Saudi Arabia.

Al-Asqalani, Ibn Hajar (2000), *'Huda al-Sari Muqaddimah Fath al-Bari Syarh Sahih Al-Bukhari'*, Dar As-Salam: Riyad.

Ahmad Najib Abdullah (2009), *'Imam Al-Bukhari dan Ketokohnya Dalam Bidang Tafsir: Satu Tinjauan'*, Jurnal KIAS, Vol. 5, No. 1, 2.

Al-Suyuti Al-Khudhairi, Al-Syafie, Abu Fadhl, Jalaluddin, Abdul Rahman bin Al-Kamal Abu Bakar bin Muhammad bin Sabiq (1983), *'Tabaqat al-Huffaz'*, Darul al-Kitab al-Ilmiyyah, Jild. 1.

Ahmad Ali Al-Baghdadi (t.t), *Tarikh Baghdad*, Dar al-Kitab al-Arabi: Beirut, 6.

Balfaqih bin Hamid Sumait (2017), *'Matlab al-Iqaz fi Al-Kalam 'ala Syai' min Gharar al- Alfadz'*, Dar al-Dhiya': Kuwait.

Chamim Tohari (2021), *'Otoritas Sahih Bukhari Sebagai Kitab Hadis Rujukan Dalam Hukum Islam'*, Istinbath: Jurnal Islam, Vol. 18, No. 2, 236-252.

Dzulmani (2008), *'Mengenal Kitab-Kitab Hadis'*, Pustaka Insan Madani: Yogyakarta, Cet. 1, 44.

Fathoni Hasyim (2019), *'Konstruksi Metodologi Fiqh Al-Bukhari & Kegagalan Pembentukan Mazhab'*, ISLAMICA: Jurnal Studi Keislaman, Vol. 14, No. 1.

Fathoni Hasyim, Liliek Channa A., Imam Amrusi Jaelanic, Basukid, Aksin Wijayae, Nur Ahidf (2020), *'The Process of Al-Bukhari Fiqh Methodology Development in Islamic Law'*, International Journal of Innovation, Creativity and Change, Vol. 14, Issue 1, 654.

- Haleema Bibi (2021), '*Short Biography of Imam Bukhari*', Researchgate.com, 2.
- Hunt Janin, Andre Kahlmeyer (2007), '*Islamic Law: The Sharia from Muhammad's Time to the Present*', McFarland & Company, Inc. Publishers: Jefferson, North Carolina & London.
- Irwan Subri, Azman Ab Rahman (2024), '*Pengantar Usul Fiqh*', Fakulti Syariah Undang-Undang (FSU), Penerbit USIM, Cet. 10.
- Ishak Suliaman, M. Murshidi M. Noor (2015), '*Fiqh & Ijtihad Imam Al-Bukhari*', Dewan Bahasa Pustaka, Cet. 1.
- Jamaluddin Abu Hajjaj Yusuf Al-Mizzi (1992), '*Tahzib al-Kamal fi Asma' Ar-Rijaal*', Mussasah al-Risalah: Beirut, Jld. 24, 430-431.
- Khafidz Soroni (2019), '*Perbahasan Ulum Al-Hadith dalam Usul Al-Fiqh Mazhab Syafie*', HADIS: International Refreed Academic Journal in Hadith Studies, Vol. 9, No. 17, June.
- M. Farid Ravi Abdullah (2009), '*Imam Al-Bukhari*', Institut Kajian Hadis (INHAD), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Cet. 1, 41.
- M. Nurul Humaidi (2006), '*Telaah atas Kitab Sahih Al-Bukhari*', Jurnal Ulumuddin, No. 2, 172.
- Muhammad bin Ahmad bin Uthman Al-Zahabi (1992), '*Siyar A'lam al-Nubala*', Muassasah Ar-Risalah: Beirut, 391-392.
- Mohd Ashrof Zaki Yaakob, Nurulaina Saidin, Mohd Faiz Mohamed Yusuf, Mohamad Mahyuddin Khalid, Azri Bhari, Mohd Yusra Abdullah, Hanifah Musa Fathullah Harun, Ishak Suliaman (2022), '*An Analysis of Waqf Hadiths in Sahih Al-Bukhari Per Fiqh Al-Bukhari Perspective*', International Journal of Academic Research in Bussiness and Social Sciences, Vol. 12, No. 11, 1407-1414.
- Mustafa Qutub Sano (1996), '*Al-Ijtihad fi Fahm al-Nas Ma'alim wa Dhawabit*', Thesis Doktor PhD, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM): Gombak.
- Muhammad Taqi al-Hakim (1963), '*al-Usul al-Amma fi al-Fiqh al-Muqarin*', Dar al-Andalus, 1979, 562.
- Muhammad Hashim Kamali (2008), '*Shari'ah Law: An Introduction*', Oneworld (Oxford) Production The Foundations Of Islam.
- Nizar bin Abdul Karim Al-Hamdani (1991), '*Al-Imam al-Bukhari: Faqih al-Muhaddithin wa Muhaddith al-Fuqaha*', Matabi' Jami'ah Umm Al-Qura: Makkah Al-Mukarramah, 152-155.
- Noor, M.N (2013), '*Analisis Hadith al-Khiyar Menurut Perspektif Fiqh Al-Shafie dan Fiqh Al-Bukhari*', Doctoral Dissertation, Academy Of Islamic Studies, University of Malaya.

- Ibnu Hajar (1994), *'Tahdzib al-Tahdzib'*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah: Beirut, 40.
- Ibnu Hajar (t.t), *Muqaddimah Fath Al-Bari*, Dar al-Fikr : Beirut, Jild. 2, 204.
- Ibnu Taimiyyah, Ahmad bin Abdul Halim (t.t), *'Majmu' Al-Fatawa'*, Maktabah al-Maarif: Riyadh, Jilid. 20, 40.;
- Qarut, Nur Hassan Abd Al-Halim (1991), *'Fiqh al-Imam al-Bukhari fi al-Wudhu' wa al-Ghasl Muqaranan bi Fiqh Ashhar al-Muhaddithin*, Tesis Doktor Falsafah, Jami'ah Umm al-Qurra'.
- Salleh Kassim (1992), *'Ijtihad Sejarah & Perkembangannya'*, Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri (JAKIM), 309.
- Scott D. Lucas (2006), *'The Legal Principles of Muhammad b. Ismail al-Bukhari and Their Realtionship to Classical Salafi Islam'*, Islamic Law & Society, Vol. 13, No. 3, 289-324.
- Shah, A. F, Soroni, M.K. & Wazir (2010), *'Manahij Al-Muhaddithin Metode dan Pendekatan Sarjana Hadith'*, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith: Kuala Lumpur, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Syeikh Muhammad Ameen Safdar Okarvir, Maulana Naim Hamad (edit.) (t.t), *'Tajalliyat E Safdar'*, Maktabah Mudadiyah, Multan Publishing: Pakistan, Jld. 1, 113.
- Suraji (2023), *'The Salaf Scholar's Response Towards Differences of Legal Opinions in Islamic Law'*, International Journal of Social Science & Religion (IJSSR), Vol. 4, Issue. 2, 304-316.
- Tazul Islam, Muhammad Amanullah (2013), *'Ethics of Disagreement & Its Impact on Muslim Unity'*, Hamdard Islamicus, Vol. 36, No. 3, 49-63.
- Wan Zulkifli Wan Hassan (2016), *'Nilai-Nilai Fleksibiliti Dalam Sumber Perundangan Islam'*, UKM Journal Article Repository.
- Waqar Ahmad Husaini (1984), *'Sistem Pembinaan Masyarakat Muslim'*, Pustaka Salman: Bandung), 48. .
- Yusuf Al-Kattani (1984), *'Rubaiyyat al-Bukhari'*, Maktabah al-Maarif: Rabat, Cet. 1.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2017), *'Istilah-istilah Fiqah dan Usul: Empat Mazhab'*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 47-50.